

IQRA

PTAR  UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA
"LIBRARY for ALL" ISSN : 2289-9537

e- BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Bil. 12/2018 | DISEMBER | www.library.uitm.edu.my



Hak Cipta Terpelihara
©PTAR



[library.uitm](https://www.facebook.com/library.uitm)



[ptaruim](https://www.instagram.com/ptaruim)



[perpustakaanuitm](https://perpustakaanuitm.blogspot.com)

TAHNAH & SYABAS KEPADA PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK MERAH KEJUARAAN DALAM AKNC 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PTAR

Sekalung
TAHNAH

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

Juara Kategori Bhg/Pusat/Unit

Juara Bidang Tumpuan Penyampaian Perkhidmatan

Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2018

MAJLIS KEMUNCAK BULAN INOVASI UTM

DEWAN AGUNG TUANKU CANSELOR, UTM SHAH ALAM

(13 DISEMBER 2018)



<https://www.facebook.com/perpustakaanultm>



@ptaru1tm



<https://perpustakaanultm.blogspot.my/>

Penyampaian Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2018 telah diadakan di Majlis Kemuncak Bulan Inovasi UTM pada 13 Disember 2018 (Khamis) di Dewan Agung Tuanku Canselor, UTM Shah Alam. Majlis gilang gemilang ini telah dijayakan oleh Fakulti Pendidikan sebagai penganjur pada tahun ini yang bertemakan 'Menginsankan Inovasi Untuk Pendidikan Berkualiti'.

Anugerah Kualiti Naib Canselor yang dikenali juga sebagai AKNC merupakan satu anugerah yang mengiktiraf pengurusan yang serius dalam membudayakan kualiti di dalam pengurusan masing-masing. Penganugerahan AKNC berdasarkan kepada mengikut bidang tumpuan, mengikut kriteria, pembentangan terbaik, kategori Kampus Negeri, kategori Fakulti, kategori Bahagian/Pusat/Unit dan seterusnya juara keseluruhan.

Tahniah diucapkan kepada pemenang pada tahun ini. Tahniah & Syabas kepada Perpustakaan Tun Abdul Razak kerana telah berjaya menjadi Juara Bidang Tumpuan Penyampaian Perkhidmatan dan Juara Keseluruhan bagi Bahagian & Unit.

**TAHNIAH & SYABAS KEPADA STAF PTAR PENERIMA ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017 DAN
ANUGERAH PENTADBIR UTM 2018**



Sekalung

TAHNIAH



TUAN HAJI AZIZI JANTAN

Anugerah Pentadbir UiTM 2018

Kategori Anugerah Kreativiti dan Inovasi (Kumpulan Pengurusan dan Profesional)



Sekalung

TAHNIAH



**ANUGERAH
PERKHIDMATAN CEMERLANG**

PAMERAN KOLEKSI MELAYU PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR)



Objektif pameran :

Objektif utama pameran Pameran Koleksi Melayu ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada warga universiti tentang Koleksi Melayu yang terdapat di Perpustakaan Tun Abdul Razak serta dapat memberi kefahaman mengenai kekayaan warisan dan kesenian Melayu. Pameran Disember 2018 berlangsung sepanjang Disember 2018. Koleksi Melayu boleh dirujuk di Bilik Koleksi Khas, Aras 4, Perpustakaan Tun Abdul Razak. Semoga dengan pameran ini dapat memberi manfaat pada semua warga universiti.



Antara intipati pameran :

1. Poster Pameran Koleksi Melayu Perpustakaan Abdul Razak
2. Poster Koleksi Warisan & Kesenian Melayu. Terdiri daripada:
 - i. Seni Halus
 - ii. Seni Rupa
 - iii. Seni Persembahan Socio Melayu
3. Senarai Buku Koleksi Melayu PTAR berkaitan Melayu
4. Buku-buku berkaitan Warisan & Kesenian Melayu
5. Buku-buku berkaitan Raja Melayu

Sumber Pameran: Unit Pengurusan Koleksi,
Bahagian Pengurusan Pelanggan & Koleksi PTAR, UITM

BENKEL ADOBE ILLUSTRATOR INTERMEDIATE



Objektif bengkel :

1. Memberi kefahaman dan kemahiran mengenai penggunaan Adobe Illustrator (Intermediate).
2. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan Adobe Illustrator dengan versi yang terkini.
3. Memberi peluang kepada staf untuk menjadi lebih kreatif dalam mengendalikan Adobe Illustrator.
4. Mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam penggunaan Adobe Illustrator.



Adobe Illustrator merupakan satu produk keluaran Adobe yang popular dan sering kali digunakan dalam menghasilkan grafik. Ia selalu digunakan oleh pereka-pereka grafik terkenal untuk menghasilkan lakaran-lakaran seperti logo, carta, gambar rajah dan kartun.

Bengkel ini disasarkan kepada Pustakawan dan staf sokongan PUITM khususnya staf yang terlibat dalam kerja reka letak dan reka grafik atau imej, penghasilan poster, penghasilan web, persembahan multimedia dan penerbitan.

Adalah diharapkan bengkel ini dapat mencapai tujuannya dalam memberi pendedahan dan pengetahuan dalam mereka letak dan reka grafik bahan terbitan.

BENKEL PENERBITAN READ @ UNI PUITM

Penggiatan Budaya Membaca adalah merupakan agenda Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah mencapai negara membaca tahun 2030. Kempen membaca perlu dipromosi dan diwar-warkan, agar menarik minat lebih ramai masyarakat ke dunia pembacaan dan menjadikan membaca sebagai budaya yang menyeronokkan. Pertandingan Rekagrafik Poster Galakan Membaca Read@Uni PTAR juga diadakan semasa bengkel ini. Peserta-peserta diberi pendedahan untuk keperluan merekagrafik poster infografik.

**Objektif :**

- i. Memberi penerangan dan taklimat berkenaan strategi penerbitan Read @ Uni Perpustakaan Tun Abdul Razak
- ii. Mengumpul maklumat yang diperlukan untuk penyediaan promosi
- iii. Menyediakan bahan promosi mengikut perancangan yang telah digariskan.

BENKEL TRAINING OF TRAINERS BACAAN PANTAS

Objektif :

- Memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari teknik bacaan pantas.
- Meningkatkan keyakinan diri ketika membaca serta memupuk minat membaca.
- Menggalakkan pembacaan di kalangan peserta serta membina kompetensi pembacaan.
- Mengesan kelajuan atau kepantasan bacaan peserta mengikut kadar perkataan per minit.
- Membimbing peserta untuk memberi latihan bacaan pantas kepada staf/ pelajar lain.



Tarikh: 4-5 Disember 2018

Tempat: Bilik Seminar, PTAR Utama UTM Shah Alam

Penceramah: Encik Ahmad Yazid B. Ahmad @ Abdul Rahman
(Pustakawan Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM))

Peserta: 30 orang Pustakawan

Membaca adalah aktiviti untuk menambah pengetahuan. Membaca dengan kelajuan yang cepat membolehkan seseorang menambahkan pengetahuan secara berganda meskipun masa bacaan yang diambil sama seperti biasa. Bacaan pantas merupakan teknik bacaan yang mudah dipelajari serta boleh dipraktikkan melalui latihan yang sistematik. Penerapan bacaan pantas menjadi wadah pembudayaan intelektual iaitu usaha meningkatkan kebijaksanaan, pembinaan jati diri, bangsa maju, serta penerapan nilai-nilai yang mulia.



BENKEL WILLS HANDS-ON TRAINING INTEGRASI WILS-FAIS (MODUL ACQUISITION)

Oleh: Tn. Hj. Azizi Jantan & Puan Adlina Abdullah



PTAR telah menggunakan Sistem Perpustakaan Web Based Integrated Library System (WILS) bermula pada Oktober 2015. Salah satu objektif utama penggunaan sistem ini adalah melaksanakan integrasi antara Sistem Perpustakaan WILS dengan Sistem Kewangan UITM (FAIS). BIPD telah melaksanakan hands-on training pada 2 Oktober 2018 bagi kampus induk, UITM Shah Alam dan pada 24 Oktober 2018 bagi kampus Cawangan UITM Selangor (Puncak Alam, Puncak Perdana, Sg. Buloh dan Dengkil).

Tarikh: 3 Disember 2018
Masa: 9.00pg - 5.00ptg
Tempat : Pusat IT PTAR 1

Penyertaan: 20 pegawai yang menguruskan proses pada Modul Acquisition (seorang setiap kampus)

Fasilitator

Azizi Jantan (Hj.)
Wan Izzatul Fariah Binti Wan Ishak
Mohd Faizal Bin Sawardi Lukman



Objektif bengkel:

1. Memberi penerangan mengenai perubahan proses kerja perolehan bagi modul acquisition selepas sistem diintegrasikan
2. Memberi tunjuk ajar kepada staf pada skrin sistem WILS yang terlibat dalam integrasi sistem

PERTANDINGAN SOALAN BERKENAAN PAMERAN 3.0 PTAR KAMPUS TAPAH

Oleh: Nur Aqilah Russli



10-14 Disember 2018 - Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Cawangan Perak, Kampus Tapah telah mengadakan Pertandingan Soalan Berkenaan Pameran 3.0. Pertandingan ini disertai oleh pelajar Fakulti Perakaunan, Fakulti Sains Komputer dan Matematik dan Fakulti Sains Gunaan, UTM Kampus Tapah. Objektif pertandingan ini adalah untuk memberi maklumat umum kepada pelajar melalui pameran serta memberi soalan untuk pemahaman, mengeratkan hubungan silaturahim pengguna perpustakaan dan pihak perpustakaan, menggalakkan pelajar datang ke perpustakaan dan sebagai salah satu aktiviti perpustakaan untuk memeriahkan suasana PTAR Kampus Tapah.

Pertandingan ini berdasarkan pameran perpustakaan yang bertajuk "QR CODE PERPUSTAKAAN". Antara soalan berkenaan pameran tersebut adalah tentang kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan, link URL Facebook PTAR UTM Cawangan Perak dan link URL untuk menempah Kelas Kemahiran Maklumat Perpustakaan. Lima pemenang telah dipilih untuk pertandingan tersebut dan menerima hamper sebagai hadiah lumayan.



PROGRAM "LIBRARY CUSTOMER DAY: DAYS TO REMEMBER" SEMPERNA HARI MESRA PELANGGAN PERPUSTAKAAN TENGGU ANIS



Program dan aktiviti pameran Perpustakaan Tengku Anis yang bertemakan "The Continuity of Knowledge's Value" adalah satu program bersepadu dan satu platform untuk menarik minat para pelajar untuk datang ke Perpustakaan Tengku Anis. Projek ini juga akan membantu meningkatkan jumlah pengunjung ke Perpustakaan Tengku Anis. Melalui projek ini, pengunjung turut diperkenalkan dan didedahkan tentang kewujudan koleksi perpustakaan, perkhidmatan yang disediakan seperti "online database" dan kemudahan yang disediakan di PTA. Program ini di mulakan dengan "PTA Book Attack: Borrow & Win" pada 25 Nov 2018 sehingga 2 Dis 2018. "PTA Book Attack: Borrow & Win" adalah salah satu aktiviti peminjaman buku yang dibuat secara terus kepada staf-staf bahagian yang terlibat. Koleksi buku yang di pilih adalah terdiri dari koleksi buku 'Zero Hits' iaitu buku yang tidak pernah dipinjam dan koleksi buku popular Perpustakaan Tengku Anis. Program ini adalah program kolaborasi antara Pelajar Praktikal dan Persatuan Reader's Club (PTARC).



Objektif:

- 4.1 Meningkatkan jumlah statistik pengguna/pengunjung di Perpustakaan Tengku Anis.
- 4.2 Memberikan maklumat mengenai koleksi, perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di Perpustakaan Tengku Anis.
- 4.3 Menggalakkan warga UiTM Cawangan Kelantan untuk mengunjungi Perpustakaan Tengku Anis.
- 4.4 Mengeratkan hubungan silaturrahim antara pengguna/pengunjung dan staf Perpustakaan Tengku Anis.
- 4.5 Mewujudkan warga UiTM Cawangan Kelantan yang sihat dan berfikiran cerdas.
- 4.6 Memberikan pendedahan mengenai ketenteraan.

PAMERAN OUTREACH GALERI SENI BUDAYA JKKN MELAKA (6 DIS 2018 – 3 JAN 2019 NOV 2018)

Oleh: Nurayuni Dayana Nor Azman

Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara (Melaka) dengan kerjasama Perpustakaan, Unit Kebudayaan & Kesenian UiTM Caw. Melaka Kampus Jasin & Kelab Warisan Budaya UiTM Caw. Melaka Kampus Bandaraya Melaka telah berkolaborasi dalam menganjurkan Pameran Outreach Galeri Seni Budaya JKKN Melaka bertempat di Ruang Legar Aras 1, Perpustakaan UiTM Kampus Jasin. Dengan berkonsepkan peragaan kostum tarian tradisi Negeri Melaka bagi menarik minat pengguna di perpustakaan UiTM Caw. Melaka Kampus Jasin. Tujuan pameran ini diadakan adalah untuk mempamerkan kostum tarian tradisional tempatan kepada pengguna perpustakaan di samping mempromosikan maklumat mengenai kostum tersebut.



PILIHANRAYA KAMPUS (12 DISEMBER 2018)

Oleh: Nurayuni Dayana Nor Azman



Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka Kampus Jasin telah dipilih sebagai lokasi pembuangan undi pilihanraya kampus. YBhg. Datuk Prof. Madya Sabariah Hj. Mahat, Rektor UiTM Cawangan Melaka turut hadir bersama bagi melihat proses undian dijalankan di samping memastikan proses undian berjalan dengan lancar. Proses undian telah bermula seawal jam 8.00 pagi sehingga 5.30 petang.

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI (18 DISEMBER 2018)

Oleh: Nurayuni Dayana Nor Azman

Perpustakaan Uitm Caw. Melaka Kampus Jasin telah mendapat JOHAN bagi Anugerah Keceriaan Pejabat Peringkat Kampus Jasin. Selain itu juga, tahniah diucapkan kepada En Mohd Ismail (Pustakawan Kanan) dan En Noor Izam (Pembantu Pustakawan) atas penerimaan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017. En Mohd Ismail juga telah di berikan Anugerah Pentadbir Terbaik bagi tahun 2018 Kategori Pengurusan dan Professional.



PROGRAM 10 000 LANGKAH & KONSERVASI (CSR) (21 DISEMBER 2018)

Oleh: Nurayuni Dayana Nor Azman



Perpustakaan UITM Cawangan Melaka Kampus Jasin dan Unit Hal Ehwal Islam Kampus Jasin dengan kerjasama Unit Kesihatan Kampus Jasin dan Zoo Melaka telah menganjurkan sebuah program 10 000 langkah serta Program Konservasi & Tanggungjawab Sosial Korporat. Program ini telah disertai seramai 60 orang warga kerja Kampus Jasin di Zoo Melaka. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran warga kerja tentang penjagaan gaya hidup yang sihat melalui aktiviti 10 000 langkah. Selain itu juga, aktiviti membersihkan 3 buah kandang rusa secara beramai-ramai dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan konservasi haiwan dan menyemai sikap menghargai kehidupan liar serta memupuk semangat kerjasama berpasukan yang tinggi dalam kalangan antara kakitangan dengan komuniti sekitar. YBhg Prof Madya Dr Mohd Rasdi Zaini, Penolong Rektor UITM Caw. Melaka Kampus Jasin turut hadir bagi merasmikan program tersebut.

LAWATAN DELEGASI UNIVERSITAS NEGERI PADANG, INDONESIA

Oleh: Hazlin Ibrahim Khan

Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka (Kampus Alor Gajah) telah menerima pelawat dari Universitas Negeri Padang, Indonesia pada 14 Disember 2018. Pelawat telah diberikan taklimat ringkas dan lawatan sekitar perpustakaan oleh Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pustakawan Kanan. Delegasi UNP yang hadir ialah Dekan Falkutas Pendidikan Ekonomi, Dr. Idris, Wakil Dekan II, Dr. Susi Evanita, MS dan Ketua Jurusan Pendidikan Ekonomi, Tri Kurniawati, S.Pd, M.Pd M.Si. Delegasi telah yang disambut oleh Prof Madya Dr Shafinar Ismail Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri mewakili Rektor UiTMCM di UiTM Kampus Alor Gajah bersama Cik Milfadzhilah Mohd Jamil, Koordinator Fakulti Jabatan Pengurusan Dan Teknologi Pejabat, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, serta beberapa pensyarah fakulti.

PERPUSTAKAAN TERIMA ANUGERAH DI MAJLIS
SAMBUTAN HARI INOVASI UiTM

Oleh: Hazlin Ibrahim Khan

Majlis Sambutan Hari Inovasi 2018 peringkat UiTM Cawangan Melaka yang menjadi platform kepada penganugerahan kepada warga UiTM Cawangan Melaka telah berlangsung pada 18 Disember 2018. Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka telah menerima anugerah seperti berikut:



1. Johan Keseluruhan Anugerah Khas Rektor (Kategori Keceriaan Pejabat) - Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah
2. Johan Anugerah Khas Rektor (Kategori Keceriaan Pejabat) - Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah
3. Johan Anugerah Khas Rektor (Kategori Keceriaan Pejabat) - Perpustakaan UiTM Cawangan Melaka, Kampus Jasir
4. Penghargaan Khidmat Setia 30 tahun - Pn.Rozaimah Mat Sidek
5. Penghargaan Khidmat Setia 25 tahun - Pn.Samra Ahmad
6. Anugerah Pentadbir Terbaik (Kumpulan Pengurusan dan Profesional) - En.Mohd Ismail Abidin
7. Anugerah Perkhimatan Cemerlang 2017 - En.Mohd Ismail Abidin, Cik Hazlin Ibrahim Khan, En.Noor Izam Samin
8. Anugerah Jasamu Dikenang - En.Ariffin Zainal

PROGRAM CERAMAH IMEJ PROFESSIONAL PENJAWAT AWAM

Oleh: Puan Nur Fatimah binti Muhamad

Membuka minda dan berkongsi pengetahuan dengan para staf (pentadbiran dan pensyarah) di UITM Kampus Raub berkenaan dengan etika pemakaian ke tempat kerja selaras dengan terdapat email Pekeliling berkenaan dengan etika pemakaian ke tempat kerja.pada bulan April 2018. Sehubungan dengan itu, pihak PTAR mengambil berat dan memandang serius tentang perkara ini kerana ingin menjadi para pendidik dan staf pentadbiran sebagai "role model" terutamanya kepada para pelajar di UITM Kampus Raub.



Tarikh: 21 Disember 2018 (Jumaat)

Masa: 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari

Tempat: Dewan Kuliah 200 (DK200), UITM Cawangan Pahang Kampus Raub

Penganjur: Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UITM Cawangan Pahang, Kampus Raub

Penceramah: Puan Azniza bt Ahmad Zaini iaitu Pensyarah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP)

